



DZULKIFLI HAJI ABDUL HAMID

(Datuk Haji), dilahirkan pada 25 Oktober 1930, di Papar, Sabah. Beliau memulakan persekolahan di Sekolah Melayu, Papar dan kemudian di Tuaran. Beliau seterusnya bersekolah di Sacred Heart Primary School, Kota Kinabalu dan berpindah lagi ke St. Mary's Secondary School, Sandakan, Sabah. Dzulkipli Abdul Hamid memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Politik daripada University Victoria, Wellington, New Zealand. Memulakan kerjaya sebagai Kerani di Jabatan Keretapi negeri Sabah. Pada tahun 1965, beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir di Pejabat Daerah Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) dan seterusnya dilantik sebagai Pegawai Daerah Tuaran. Pada tahun 1967, beliau dilantik sebagai Pembantu Khas kepada Ketua Menteri (Tun Datuk Haji Mustapha bin Datu Harun), dan pada

tahun 1972, beliau dipilih sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Beliau kemudiannya dilantik dan seterusnya menjawat jawatan sebagai Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri. Pada tahun 1973-1974 beliau dilantik sebagai Senator dan menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Pertahanan Persekutuan, kemudian dilantik sebagai Menteri kewangan. Dzulkipli Abdul Hamid turut bergiat cergas dalam persatuan. Beliau menjadi Presiden Badan Bahasa Sabah (BAHASA) yang pertama dan merupakan pengasas bagi persatuan tersebut. Melalui BAHASA beliau dan rakan-rakan penulis yang lain seperti Jamdin Buyong telah memperjuangkan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Sabah. Selain itu beliau juga menjadi Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) dan menjadi penaja Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).